

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 12 TAHUN 2015


PERWAKILAN KUASA BAGI KELULUSAN PERMOHONAN PINDAHMILIK DI BAWAH SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938 DAN SEKSYEN 120 KANUN TANAH NEGARA 1965 KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 19/2013 yang bersidang pada 02 Oktober 2013 telah membuat keputusan untuk mewakilkan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan menurut peruntukan Seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 (Akta 56 Tahun 1956) yang disiarkan dalam warta Kerajaan Kelantan Kn. P.U. 11 bertarikh 5 Disember 2013 bagi melaksanakan kuasa-kuasa berikut :-

- i) Kuasa meluluskan mana-mana permohonan pindah milik tanah daripada Peranakan Kelantan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938.
- ii) Kuasa meluluskan mana-mana permohonan pindah milik tanah yang dikenakan sekatan kepentingan daripada Peranakan Kelantan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965.

2. Dengan perwakilan kuasa ini, permohonan kebenaran pindahmilik tanah daripada Peranakan Kelantan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah diangkat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan untuk mendapat kelulusan.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



.....
(DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD) *D.P.S.K. KELANTAN*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN.

FAIL KERTAS : PTG.KN.17/1/3 (7)
BERTARIKH : 10 ZULKAEDAH 1436H
 25 OGOS 2015